

Hindari budaya LGBT demi melahirkan anak bangsa merdeka

um | 1-9-12 | 11-10 | Ps - Hari Merdeka.



KANGAR 31 Ogos - Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu (gambar) meminta rakyat menghindari budaya negatif seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), pembuangan bayi dan demonstrasi jalanan demi melahirkan anak bangsa yang merdeka daripada segi rohani dan jasmani.

Sehubungan itu, katanya, budaya songsang tersebut perlu ditentang sekeras-kerasnya oleh masyarakat.

"Budaya negatif ini boleh merosakkan imej negara sebagai sebuah negara yang merdeka," katanya ketika berucap pada

Majlis Perhimpunan dan Perarakan Hari Kemerdekaan Ke-55 Peringkat Negeri Perlis di Taman Merdeka, di sini hari ini.

Berkenan berangkat ke majlis itu ialah Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail; Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Sambutan Hari Kemerdekaan bertemakan 55 Tahun Merdeka, Janji Ditepati itu

juga disertai kira-kira 3,000 rakyat Perlis

pelbagai bangsa.

Pada masa sama, Md. Isa meminta

generasi muda mendalami sejarah supaya tidak melupakan erti sebenar kemerdekaan.

Katanya, generasi muda perlu banyak belajar daripada sejarah supaya tidak lupa dengan perjuangan generasi terdahulu.

"Mereka tidak akan dapat mengambil

iktibar bagaimana generasi terdahulu yang

dijajah dan ditindas akibat perpecahan

merdekaan yang dikehendaki sekarang sehingga selama-lamanya," katanya.

Beliau berkata, generasi yang buta sejarah akan menganggap kemerdekaan yang dikehendaki hari ini akan kekal selama-lamanya.

Sedangkan katanya, generasi yang menghayati sejarah akan sentiasa berusaha mengelak kesilapan terdahulu supaya nikmat kemerdekaan akan terus berkekalan.

"Pemahaman ini akan menjadikan generasi muda bersedia menjadi pewaris bangsa yang berupaya meneruskan ke-

merdekaan yang dikehendaki sekarang sehingga selama-lamanya," katanya.